

**NO. SOALAN : 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **YB TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH :** **16 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelantikan wakil Pendaftar Pemilih (ARO) Pilihan Raya bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tidak mempunyai JKPK selepas jawatan Penolong Pendaftar Pemilih daripada kalangan wakil parti politik dimansuhkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah dan sedang dalam proses untuk melantik Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/ JKKK Persekutuan (JKKKP) bagi negeri-negeri yang berkaitan untuk membantu dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih berdasarkan keperluan. Terdapat juga kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang SPR telah melantik Penolong Pendaftar Pemilih dari Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat-Pejabat Pos dan saluran-saluran pendaftaran yang berkaitan. Oleh yang demikian, individu yang berhasrat untuk melakukan pendaftaran pemilih boleh melaksanakannya di saluran-saluran pendaftaran tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 64 66**

**Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan Langkawi adalah pulau pelancongan dan bebas cukai yang mana Kerajaan mensasarkan ia akan menjadi salah satu pulau pelancongan 10 terbaik dunia, maka demi menggalakkan lebih ramai pelancong datang ke Langkawi, apakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Langkawi 'open sky concept' bagi semua penerbangan antarabangsa.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah menjadikan Langkawi ‘open sky concept’ bagi semua penerbangan antarabangsa. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi bagi memenuhi permintaan dan meningkatkan sektor pelancongan di Langkawi.

Dalam pada itu, keputusan untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa dan domestik adalah merupakan keputusan komersil syarikat penerbangan yang akan ditentukan berdasarkan kepada *commercial viability* laluan.